

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 24 September 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN JULAI 2025

**Ekonomi Malaysia dijangka berada pada trajektori perlahan,
dengan Indeks Pelopor merekodkan 114.3 mata pada Julai 2025**

PUTRAJAYA, 24 September 2025 – Kadar pertumbuhan tahunan Indeks Pelopor (IP) terus menyederhana pada Julai 2025 dengan mencatatkan penurunan 0.5 peratus kepada 114.3 mata berbanding 114.9 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Paparan I**), seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Perincian prestasi ini diterbitkan dalam **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi Julai 2025** yang dikeluarkan pada hari ini. IP memberi petunjuk awal tentang titik perubahan dalam kitaran perniagaan dan arah tuju ekonomi bagi tempoh terdekat.

Mengulas lanjut mengenai prestasi terbaharu IP, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Penurunan dua digit dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (-16.3%) dan Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (-13.4%) mempengaruhi prestasi yang perlahan. Sebaliknya, prestasi bulanan kembali pulih kepada 0.5 peratus pada Julai 2025 selepas mencatatkan negatif 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. Pemulihan ini didorong oleh prestasi memberangsangkan lima daripada tujuh komponen terutamanya Import Benar Semi Konduktor (0.5%)".

Meneliti arah aliran jangka panjang terlicin pada Julai 2025, IP kekal berada di bawah 100.0 mata (**Paparan II**). Namun begitu, ekonomi Malaysia dijangka berada pada

trajektori sederhana pada masa hadapan. Prestasi sektor yang lebih kukuh dan permintaan dalam negeri yang stabil akan meletakkan negara pada kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi cabaran global.

Sementara itu, Indeks Serentak (IS) yang mengukur prestasi ekonomi semasa secara keseluruhan, meningkat 2.2 peratus kepada 129.7 mata pada Julai 2025 berbanding 126.9 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan positif merentasi semua komponen IS, dengan Nilai Caruman Benar, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai penyumbang utama, mencatatkan 5.4 peratus. Pada masa yang sama, prestasi bulanan IS mengukuh sebanyak 1.2 peratus, didorong oleh Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Nilai Caruman Benar, KWSP, masing-masing merekodkan peningkatan 0.3 peratus.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 SEPTEMBER 2025

LAMPIRAN I

Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor

